

LID dekatkan hubungan Afrika-Malaysia

BH 31/10/2003 - 18 PRECISE

"TIADA sebab siri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) serta cabangnya, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID) tidak diteruskan kerana ia dianjurkan bukan kerana saya tetapi atas inisiatif Malaysia".

Demikian tegas Perdana Menteri setelah di Lapangan Terbang Antarabangsa Matspha dekat Ezulwini, Swaziland, bagi menghadiri Said-Global 2003, Ogos lalu yang mahukan dialog itu diteruskan meskipun selepas beliau bersara. Kata-katanya itu turut mencerminkan sikapnya yang sentiasa merendah diri walaupun beliau adalah orang yang mengilhamkan LID pada 1995 sebelum dikembangkan ke benua Afrika menerusi Said dan EAID.

Ketua kerajaan dan negara yang menjadi rakan dialog itu menyifatkan daya kepemimpinan

Dr Mahathir masih diperlukan untuk menjana pemikiran bernas pada dialog berteraskan konsep perkongsian pintar itu, apatah lagi kini ia menarik minat banyak negara.

Mereka mengakui Perdana Menteri adalah pemimpin yang berpandangan jauh dan banyak menyedarkan mereka, terutama bahaya keganasan ekonomi. Justeru, mereka yang menghadiri LID-Global

tahun lalu, sepakat mahu Dr Mahathir terus menyumbangkan idea pada dialog akan datang walaupun selepas bersara.

Presiden Ghana, John A Kufour, pada sidang media hari terakhir LID di Pelangi Beach Resort, Pantai Cenang, Langkawi, Ogos tahun lalu berkata: "Beliau (Dr Mahathir) kelihatan lebih muda daripada usianya dan saya percaya beliau tidak akan meninggalkan dialog ini walaupun kami membenarkan beliau meletakkan jawatannya".

Harapan Kufour dikongsi dengan Presiden Sudan, Lt Jen Omer Hassan Ahmed Al-Bashir, yang mahu terus bertemu Dr Mahathir pada dialog akan datang kerana perwakilan percaya beliau mampu meneruskan tugasnya pada peringkat antarabangsa.

"Saya sering mengikuti perkembangan Malaysia dan Dr Mahathir dan melihat banyak kejayaan dicapai di negara ini khususnya kejayaan beliau menangani krisis ekonomi," katanya.

Mengulas gesaan ketua negara dan kerajaan dialog itu yang meminta Perdana Menteri meneruskan khidmatnya selepas bersara, Dr Mahathir berkata, beliau sedia berbuat demikian sebagai ahli biasa dialog itu. "Ya, saya akan hadir juga...saya akan menyertainya sebagai ahli biasa," katanya ringkas tetapi sudah cukup melegakan banyak pihak.

Kesediaan Malaysia mengetuai negara membangun dan negara miskin Afrika bagi mencari penyelesaian bersama turut membuktikan Malaysia menerusi kepemimpinan Dr Mahathir peka terhadap kepentingan sistem kewangan antarabangsa yang adil dan tidak menekan negara kecil.

Ini kerana Dr Mahathir yang mewakili golongan yang dihipit negara maju, tidak pernah 'berehat' memperjuangkan sistem yang dinamik dan saksama. Ia mahu memastikan krisis kewangan yang melanda Asia Timur selepas menyerang Amerika Latin, Russia dan benua Afrika, tidak berulang.

Bagaimanapun, negara Afrika tidak menganggap langkah Malaysia menjalin hubungan erat dengan


negara di rantau itu untuk menjadi jaguh negara membangun, khususnya di Afrika.

Mereka berpendapat lebih banyak negara di seluruh dunia sepatutnya mencontohi langkah Malaysia, dalam usaha membina satu dunia baru. Lebih banyak negara perlu menjadi 'jaguh' dan bekerjasama dengan negara Afrika dalam usaha mewujudkan satu dunia baru.


Menyedari pentingnya fungsi Dr Mahathir dalam menjalin kerjasama erat antara negara Afrika dan Malaysia, sebuah buku mengenainya turut dilancarkan di Said, Swaziland Ogos lalu. Buku *Malaysia-Africa Relations, Searching For Common Goals*, dihasilkan Dr Hamidin Abdul Hamid, sejarawan yang mengajar pengajian Afrika di Universiti Malaysia.

Buku itu dilancarkan bersama oleh Raja Swaziland, Mswati III, yang menjadi tuan rumah bagi dialog itu pada tahun ini dan Dr Mahathir. Buku itu mengutarakan pembentukan G-15 dan pembabitan bermakna oleh Malaysia dalam kerjasama Selatan-Selatan sebagai bukti hubungan Malaysia bersama Afrika.

Ia juga menyatakan, dekad lalu menyaksikan peningkatan dalam perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan Afrika.



Lt Gen Omer Hassan



John A Kufour